

## BAGAIMANA BERKEMBANGNYA FAHAMAN SUNNAH HINGGA KE PERLIS

Oleh : Shukor bin Mat

**Masa Nabi Muhammad s.a.w (tahun 13 S.H – tahun 11 H)**

Amalan Sunnah mula tumbuh dan berkembang pada masa hidup Nabi Muhammad s.a.w. Lama masanya ialah 23 tahun, iaitu bermula tahun 13 Sebelum Hijrah (610M) hingga ke tahun 11 Hijrah (632M).<sup>1</sup> Pada masa inilah turunnya wahyu dan berlakunya pengajaran hadith oleh Nabi s.a.w.

Para sahabat sebagai pewaris ajaran Islam amat bersungguh-sungguh dan berhati-hati semasa menerima kedua-dua sumber Sunnah tersebut (al-Quran dan al-Hadith).

**Masa Sahabat Besar (tahun 11 H – tahun 40 H)**

Tahap Kedua perkembangan Sunnah ialah zaman sahabat, terutama sekali masa pemerintahan Khalifah al-Rasyidin iaitu Abu Bakar Al-Siddiq, Umar al-khattab, Usman bin Affan dan Ali bin Abi Thalib. Tempoh masanya antara tahun 11 Hijrah hingga 40 Hijrah. Masa ini juga dikenali sebagai Masa Sahabat Besar.<sup>2</sup> Di zaman Sahabat Besar ini, tumpuan mereka lebih kepada pemeliharaan dan penyebaran al-Quran ; oleh itu kerja-kerja meriwayatkan hadith masih belum berkembang pesat lagi, malahan mereka berusaha untuk membataskan atau mengurangkan kerja-kerja meriwayatkan hadith.<sup>3</sup>pesat lagi, malahan mereka berusaha untuk membataskan atau mengurangkan kerja-kerja meriwayatkan hadith.<sup>3</sup>

Kota-kota terkenal yang menjadi tempat meriwayatkan hadith ialah Madinah, Makkah, Kufah, Basrah, Syam, Mesir, Magrib, Andalus, Yaman dan Khurasan. Diantara sahabat-sahabat yang terbilang meriwayatkan hadith ialah Abu Hurairah, Abdullah bin Umar, Anas bin Malik,

Aisyah, Abdullah bin Abbas, Jabir bin Abdillan dan Abi Sa'id al-Khudri.<sup>4</sup>

Pergerakan Sunnah di Makkah dipelopori oleh Muaz bin Jabal, Atab bin Asid, Harits bin Hisyam, Utsman bin Thalhah dan Utbah bin al-Harits. Di Kuffah ilmu Sunnah dihidupkan oleh Ali bin Abi Thalib, Sa'ad bin Abi Waqas dan Abdullah bin Mas'ud. Manakala di Bashrah aktiviti Sunnah dikembangkan oleh Anas bin Malik, Abdullah bin Abas, Imran bin Husain, Ma'qad bin Yasar, Abdurrahman bin Samrah dan Sa'id al-Ansari. Seterusnya Sunnah di Syam telah dikembangkan oleh Abu Ubaidah al-Jarh, Bilal bin Rabbah, Ubadah bin Shamit, Muaz bin Jabal, Sa'ad bin Ubadah, Abu Darda Surahbil bin Hasanah, Khalid bin Walid dan Iyadh bin Ganam. Di Mesir Sunnah telah ditegakkan oleh para sahabat seperti Amr bin al-'Aah, Uqbah bin Amir, Kharizah bin Hudzafah dan Abdullah bin al-Harits.<sup>5</sup>

Pendidikan Sunnah di Magribi dan Andalus telah dikembangkan oleh Mas'ud bin al-Aswad al-Balwi, Bilal bin Haris bin Ashim al-Muzani, Salmah bin al-Akwa dan Walid bin Uqbah bin Abi Muid. Selain daripada itu, Mu'az bin Jabal dan Abu Musa al-Asy'ari telah dihantar untuk mengembangkan pelajaran Sunnah di Yaman sejak Nabi s.a.w masih hidup. Manakala di Khurasan kegiatan Sunnah telah dimantapkan oleh Buraidah bin Husain al-Aslami, al-Hakam bin Amir al-Aifari dan Qasim bin al-Abbas.<sup>6</sup>

**Masa Tabi'in (tahun 41H-abad ke 11H)**

Tahap ketiga ialah perkembangan Sunnah pada masa Tabi'in. Mereka seperti juga para sahabat kerana amat berhati-hati di dalam meriwayatkan hadith, tetapi tugas mereka lebih mudah jika dibandingkan dengan tugas para sahabat. Tegasnya

1. Utang Rahuwi Jaya, Penulis Kurikulum Agama Nasional Indonesia 1995 (Ilmu Hadith, Gaya Media Pratama, Jakarta, hlm. 45-Kata Pengantar).
2. Ibn Hajar al-Asqalani, Buluq al-Maram Jilid 1, Darul Fikr, Beirut, 1989/1409 H, hlm. 217). Nama penuhnya Syihabuddin Abu Fadl Ahmad Ali bin Muhammad bin Hajar al-Asqalani. Beliau adalah ulama hadith, ahli sejarah dan ahli fikah Mazhab Syafi'i-Ensiklopedia Islam, DBP, K.Lumpur 2004.
3. Utang Rahuwi Jaya, Op.cit.hlm. 54-55.
4. Utang Rahuwi Jaya, Ibid. hlm. 61.
5. Utang Rahuwi Jaya, Ibid. hlm. 63.
6. Utang Rahuwi Jaya, Ibid. hlm. 64.







pada masa ini al-Quran sudah terkumpul dalam satu mushaf dan tidak lagi membimbangkan mereka (sama ada kehilangan atau kematian penghafal al-Quran). Selain daripada itu, pada masa pemerintahan Usman bin Affan para sahabat yang terdiri daripada ahli hadith telah pun berada di wilayah-wilayah kekuasaan Islam. Hal ini lebih memudahkan lagi para tabi'in mempelajari hadith-hadith daripada sahabat-sahabat tersebut.<sup>7</sup>

## Amalan Sunnah mula tumbuh dan berkembang pada masa hidup Nabi Muhammad s.a.w. Lama masanya ialah 23 tahun, iaitu bermula tahun 13 Sebelum Hijrah (610M) hingga ke tahun 11 Hijrah (632M).<sup>1</sup>

Di Makkah muncul Mujahid (wafat tahun 103H), manakala di Kufah pimpinan Sunnah diketuai oleh al-Qamah (wafat tahun 62H) dan Masruq (wafat tahun 63H). Begitu juga dengan Amir bin Syarahi adalah seorang tabi'in di Kuffah (wafat tahun 104H). Di Basrah terdapat seorang tabi'in bernama Abu Aliyah (wafat tahun 90H). Di Syam (Syria) aktiviti Sunnah dilaksanakan oleh Abu Idris, seorang tabi'in yang wafat tahun 80H, ini termasuk juga Umar bin Abdul Aziz yang wafat pada tahun 101H. Di Mesir terdapat tabi'in Thowas bin Khaيسان yang wafat dalam tahun 106H, Wahab bin Munabbah (wafat tahun 114H) dan Yahya bin Abi Kasir (wafat tahun 129 H).<sup>8</sup>

### Masa Para Imam (abad ke 2H-abad ke 5H)

Tahap keempat ialah Zaman Para Imam (abad ke 2 –ke 5H). Memandangkan kepada ramainya penulis dan pemalsu hadith yang muncul di Tanah Arab ketika itu iaitu di Madinah, Baghdad, Khurasan dan Syria; maka pemerintah Umaiyyah ketika itu, Umar bin Abdul Aziz telah

memerintahkan gabenornya untuk menuliskan hadith-hadith yang ada daripada para ulama dan tabi'in pada masa itu. Seorang daripada gabenornya di Madinah bernama Ibn Hazm telah diperintahkan untuk menuliskan hadith-hadith yang didapati pada Umrah binti Abdul Rahman dan Qasim bin Muhammad bin Abu Bakar. Umar bin Abdul Aziz juga memohon supaya Muhammad bin Muslim Azzuhri yang menjadi ulama terkenal Semenanjung Tanah Arab dan Syam supaya menuliskan hadith-hadith. Oleh itu hampir seluruh tempat di negara Islam ketika itu mempunyai kegiatan menuliskan hadith dan menyusunnya.<sup>9</sup>

Penyusunan hadith-hadith tersebut dijalankan di Makkah oleh Jurajj dan Ibn Ishak. Di Madinah usaha ini dijalankan oleh Imam Malik dan Arrabi, di Kuffah dijalankan oleh Sufian Assauri, di Syam oleh Auzaie, di Yaman oleh Ma'mar, di Arraj oleh Jarir bin Abdul Hamid, di Khurasan oleh Ibn Mubarak dan di Wasit oleh Husyaimi.<sup>10</sup>

Sungguhpun kerja-kerja penyusunan hadith tersebut telah bermula sejak abad pertama hijrah, tetapi hasilnya dalam bentuk kitab hanya didapati pada awal abad kedua hijrah. Antaranya yang terkenal ialah al-Muwattha' karangan Imam Malik, Kitab Musnad dan Mukhtalaful Ahadith oleh Imam Syafi'i, al-Jami' oleh Imam Abdurrazak bin Muman dan lain-lain yang berjumlah 9 buah semuanya. Susunan kitab-kitab hadith pada masa tersebut tidaklah seperti sekarang kerana ia bercampur dengan atsar (perkataan para sahabat) dan pendapat para tabi'in. Pada masa itu juga belum dibuat penapisan kepada hadith Mutawatir, Ahad, Hasan dan Dhaif.<sup>11</sup>

Menjelang abad Ketiga Hijrah barulah Imam Bukhari lahir dan beliau adalah orang yang pertama sekali menyaring hadith-hadith. Amalan beliau ini diikuti oleh Imam Muslim. Selepas itu semakin bertambah saringan ke atas kitab-kitab hadith dengan susunannya dalam bentuk yang lebih baik, iaitu lahirlah Hadith Bukhari, Muslim, Abu Daud, al-Nasaie, Jami'al al-Tarmidzi, Ibn Majah, Ibn Hanbal dan al-Thobari.<sup>12</sup>

7. Utang Rahawi Jaya, Ibid. hlm. 61.

8. Zainal Abidin Zam-Zam, (Kumpulan Lima Kertas Kerja Ijtimak, Anjuran Al-Islah Perlis, Persatuan

9. Zainal Abidin Zam-Zam, Ibid. hlm. 75-76.

10. Zainal Abidin Zam-Zam, Ibid. hlm. 76.

11. Zainal Abidin Zam-Zam, Ibid. hlm. 76-77.

12. Zainal Abidin Zam-Zam, Ibid. hlm. 77.





Kitab-kitab hadith semakin bertambah dengan kemunculan kitab Imam Thabrani, al-Darqutni dan Ibn Hibban pada abad Keempat Hijrah. Jumlah kitab hadith di abad Keempat ini ialah 51 buah. Setelah susunan kitab yang banyak dan gurunya yang bertambah, maka semakin ramailah murid-murid yang datang berguru kepada ulama-ulama tersebut. Nama guru menjadi masyhur dan telah menanamkan rasa cinta di hati muridnya dalam bentuk kecintaan yang luar biasa sehingga mereka beranggapan hanyalah guru mereka sahaja yang bijak.<sup>13</sup>

Kecintaan kepada guru dan tumpuan yang berlebih-lebihan kepada hadith-hadith telah hampir melupakan mereka kepada kitab suci al-Quran dan menyebabkan ramai orang-orang Islam mencari jalan pintas untuk belajar melalui pendapat ulama hadith dan terus mengamalkannya walaupun bercanggah dengan al-Quran. Oleh itu huraian atau pendapat ulama pada zaman imam-imam ini telah mempengaruhi orang ramai dan menganggap imam-imam ini sebagai ulama atau guru mereka. Hal ini telah menyebabkan Imam Hanafi, Imam Malik, Imam Syafi'i dan Imam Hambali diagungkan-agungkan oleh pengikut-pengikut masing-masing.<sup>14</sup>

#### Masa Mazhab-Mazhab atau Masa Taqlid<sup>15</sup> (abad ke 6-ke 13H)

Selepas imam-imam yang banyak berjasa itu wafat, maka anak murid mereka telah mengembangkan ajaran Islam mengikut fahaman masing-masing di merata tempat dengan dibantu oleh raja-raja yang menyokongnya. Oleh itu terbentuklah mazhab-mazhab. Antaranya ialah Raja Sabtikin Nazzham di Timur menyokong perkembangan Mazhab Syafi'i. Di Mesir Raja Salamuddin bin Yusuf menjadi orang yang utama mengembangkan Mazhab di Mesir. Manakala di Turki orang ramai mencintai Imam Hanafi dan segala pendapatnya dianggap benar. Maka dengan itu terbentuklah Mazhab Imam Hanafi dan dengan itu orang ramai di sana bertaqlid kepadanya.<sup>16</sup>

Pada abad tersebut pemerintah menjadi penguasa yang kaya-raya kerana harta kerajaan melimpah-ruah. Orang-orang yang memegang jawatan kerajaan seperti Kadi dibayar gaji yang tinggi, berbanding dengan imam-imam terdahulu yang tidak mahu menjadi Kadi. Pada masa tersebut jawatan Kadi penting kerana beliau menjadi pakar rujuk dalam urusan agama. Sekiranya beliau mengeluarkan sebarang keputusan yang berlawanan dengan pendapat imam (berlawanan dengan al-Quran dan Sunnah) yang mempengaruhi penduduk negeri maka akan berlakulah huru-hara dalam negeri. Contohnya seperti yang terjadi kepada Mesir penduduknya bermazhab Shafe'i, sekiranya kadi memberikan keputusan yang tidak sama dengan pendapat Imam Shafe'i, maka berlakulah kacau-bilau.<sup>17</sup>

Oleh yang demikian pada setiap negeri dilantik Kadi yang sefahaman dengan amalan penduduknya seperti yang terjadi di Mesir dan Turki. Keadaan ini menyebabkan umat Islam mula terpisah dengan al-Quran dan Sunnah kerana al-Quran dan Sunnah tidak lagi dikaji, tetapi dikaji mazhab iaitu pendapat, pendirian dan pegangan imam-imam. Hanya ajaran mazhab sahaja yang ditulis dan dipelihara, sehingga orang ramai berpendapat bahawa menjadi kesalahan di dalam agama apabila keputusan hukum yang dibuat oleh Kadi berlawanan dengan pendapat imamnya. Orang-orang yang ingin kekal menjadi Kadi tidak mengambil perhatian mengenai lain-lain perkara, melainkan merujuk kitab lama imam-imam mereka. Lama kelamaan kejadian ikut-ikutan imam ini (taqlid) berterusan dan telah menjauhkan orang ramai daripada memelihara agama Islam dengan baik.<sup>18</sup>

Untuk memudahkan lagi orang ramai belajar telah diusahakan membuat ringkasan kitab imam-imam yang tebal. Apabila dibuat ringkasan maka terbentuklah kitab-kitab yang kurang jelas kerana kitab tersebut diberi syarah, dibuat komentar dan diberikan nota. Kadangkala orang yang membuat syarah dan taqirir (ketetapan) bagi kitab-kitab tersebut bukan pengarangnya sendiri,

13. Zainal Abidin Zam-Zam, Ibid.hlm.77-78.

14. Zainal Abidin Zam-Zam, Ibid.hlm.80-82.

15. Taqlid : akar kata daripada qallada, yuqallidu, taqlidan. Taqlid bermakna menerima dan mengikuti suatu perkataan orang lain, idea atau pendapat seseorang tanpa memahami dan mengetahui sumber dan alasan perkataan tersebut, baik alasan itu adalah dalil al-Quran, sunnah Nabi s.a.w atau dalil-dalil ijthad lainnya.(Ensiklopedia Islam Jilid 5, DBP, 2004, hlm.48).

16. Zainal Abidin Zam-Zam, Op.cit, hlm.82-83.

17. Zainal Abidin Zam-Zam, Ibid.hlm.83.

18. Zainal Abidin Zam-Zam, Ibid.hlm.83-84.





tetapi ulama lain. Oleh itu sering terjadi perbezaan pendapat di dalam penerangan dan ringkasan yang baru dibuat itu dengan pendapat ulama-ulama asal. Sungguhpun demikian perkara ini tidak dipersoalkan kerana golongan penulis baru ini tetap mengaku bermazhab kepada imam yang dikajinya.<sup>19</sup>

Di Perlis pengasas Sunnah dibawa oleh Syeikh Hassan bin Ahmad (Hassan Surabaya), diikuti oleh Abdul Manaf bin Abdullah (Lebai Kecik) dari Sumatera, Haji Abdul Ghani bin Dato' Sakti, Pak Wan Ahmad, Syeikh Abu Bakar Asshaary dan murid-muridnya.<sup>28</sup>

Kitab suci al-Quran pada masa tersebut dianggap sebagai satu kitab yang tidak boleh ditafsirkan, kecuali oleh para ulama yang sudah mahir. Tegasnya hanya dibenarkan membaca keterangan atau tafsiran guru, tidak kira sama ada keterangan tersebut secocok atau tidak dengan al-Quran dan Sunnah.<sup>20</sup>

Hadith-hadith kurang disiarkan kepada orang ramai, kecuali hadith Qudsi yang dipandang sebagai suatu azimat. Al-Quran dikenali orang hanya ketika hendak berubat atau untuk jampi-jampi kepada orang sakit atau orang mati dan lain-lain amalan khurafat<sup>21</sup> dan tahyul<sup>22</sup>. Kesan daripada jauhnya al-Quran dan Sunnah di hati umat Islam maka kemurnian telah dihakis oleh berbagai kepercayaan daerah dan adat istiadat yang telah menenggelamkan kebebasan berfikir manusia ke jalan yang benar, terutama sekali di Kepulauan Melayu dan Indonesia. Keadaan ini diambil kesempatan oleh penjajah bagi menjauhkan orang-orang Islam daripada berfikiran secara kritikal agar mereka semakin jauh daripada mengetahui setiap permasalahan masyarakat dan negara.<sup>23</sup>

## Zaman Kebangkitan Dan Kesedaran (mulai abad 13H-sekarang)

Zaman ini bermula sejak abad ke-13H sehingga kini. Antara pengamal-pengamal Sunnah terkenal di zaman kebangkitan ialah Syeikh Muhammad bin Abdul Wahab. Beliau telah berusaha mengembalikan umat Islam di Semenanjung Tanah Arab supaya berpegang kepada Sunnah Nabi s.a.w. dan beliau orang yang bertanggungjawab mengamankan Kota Makkah dengan menggulingkan pemerintahan raja-raja yang zalim. Dalam tahun 1932 orang-orang Wahabi yang berfahaman Sunnah berjaya menubuhkan kerajaan Arab Saudi.<sup>24</sup> Di lain-lain kawasan juga muncul dengan pesat pengamal-pengamal ajaran-ajaran Sunnah, seperti Ibn Taimiyah, Ibn Qaiyim dan Khairuddin Basya di Tunisia. Manakala Syed Ahmad Khan bergerak cergas di India. Jamaluddin al-Afghani bergerak cergas di Afghanistan, Malqum Khan di Iran, Syeikh Muhamad Abduh dan muridnya Syed Rashid Ridha di Mesir yang akhirnya telah mempengaruhi kebangkitan Sunnah di India, Malaysia dan Indonesia.<sup>25</sup>

Indonesia terkenal dengan pelupur Sunnahnya Dr. Abdullah Ahmad al-Manakabary, Dr. Hamka, Haji Ahmad Dahlan, Syeikh Ahmad Sarkati al-Anshori dan Hassan Ahmad (Hassan Bandung).<sup>26</sup>

Di Semenanjung Malaysia amalan Sunnah telah diasaskan pada awal abad ke-14H oleh Syeikh Tahir Jalaluddin, Syed Sheikh al-Hadi, Syeikh Muhammad Salim al-Khalily, Haji Said Kamaruddin dan Haji Muhammad Abas Taha. Usaha-usaha ini seterusnya telah disambung oleh Syeikh Muhammad Ibrahim Akiby, Mustafa Abdurrahman Muhammad, Rijal Abdullah, Haji Ahmad Amin, Tengku Ahmad Yahya bin Lopang, Haji Hashim Ghani dan Ustaz Abdul Rahman Ismail.<sup>27</sup>

Di Perlis pengasas Sunnah dibawa oleh Syeikh Hassan bin Ahmad (Hassan Surabaya), diikuti oleh Abdul Manaf bin Abdullah (Lebai Kecik) dari Sumatera, Haji Abdul Ghani bin Dato' Sakti, Pak Wan Ahmad, Syeikh Abu Bakar Asshaary dan murid-muridnya.<sup>28</sup>

19. Zainal Abidin Zam-Zam, Ibid.hlm.84-85.

20. Zainal Abidin Zam-Zam, Ibid.hlm.85.

21. Khurafat ialah ajaran yang bukan-bukan atau karut, dongeng, tahyul. (Kamus Dewan, hlm.675).

22. Tahyul bermakna hanya khayal belaka, impian sahaja, hanya dalam angan-angan atau kepercayaan yang

23. Zainal Abidin Zam-Zam, Ibid.hlm.85-86.

24. Aboebakar Acheh, Salaf As-Salih Muhyi Atharis Salaf, Pustaka Aman Press, K.Bharu, 1976 hlm.232.

25. Zainal Abidin Zam-Zam, Op.cit, hlm.87-88.

26. Zainal Abidin Zam-Zam, Ibid.hlm.88.

27. Zainal Abidin Zam-Zam, Ibid.hlm.89.

28. Syukor Mat, *As-Sunnah Di Perlis*, Media One Publication, 2001, hlm.7-17.

